



# BULETIN DASAR

PRODUKTIVITI & DAYA SAING



## Majlis Pelancaran & Forum

Dirasmikan oleh  
YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali  
pada 30 Julai 2021 (Jumaat) jam 9.30 pagi



## Intipati NPGRP

Dasar Negara bagi Amalan  
Baik Peraturan (NPGRP)



## Pemeriksaan Dasar Negara Dalam Jabatan

Halatuju dan Pelan Tindakan  
yang komprehensif dan tangkas



Bahagian Pengurusan Perubahan & Prestasi  
Cawangan Dasar & Pengurusan Korporat



[bppp@jkr.gov.my](mailto:bppp@jkr.gov.my)



MPC

## Majlis Pelancaran & Forum

### Dasar Negara bagi Amalan Baik Peraturan National Policy on Good Regulatory Practice (NPGRP)



Dirasmikan oleh:

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki Bin Ali  
Ketua Setiausaha Negara

30 JULAI 2021 (JUMAAT)  
9.30 PAGI



MALAYSIA PRODUCTIVITY CORPORATION (MPC)  
<https://www.facebook.com/MPCHQ>

Dasar Negara Bagi Amalan Baik Peraturan (NPGRP) menjadi satu pencapaian besar dan menjadi titik tolak baharu dalam reformasi amalan peraturan yang lebih menyeluruh dan tangkas. Dasar ini telah dilancarkan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali, Ketua Setiausaha Negara pada 30 Julai 2021 secara maya (*online*) bertemakan "Meningkatkan produktiviti melalui peraturan yang berkualiti".

Tan Sri KSN berkata, ia merangkumi peningkatan kualiti peraturan baharu dan peraturan sedia ada supaya penyampaian Perkhidmatan Awam lebih cekap, berkesan dan telus.

Tambahan pula, penularan wabak Covid-19 memberi impak yang besar terhadap produktiviti negara pada tahun lalu, yang menyaksikan pertumbuhan produktiviti sebanyak negatif 5.5 peratus dan situasi sama turut dirasai di seluruh dunia.

Berikutan itu, katanya, kerajaan mengambil langkah proaktif untuk menambahbaik ekosistem peraturan negara agar ia lebih tangkas dan responsif dalam menghadapi situasi yang amat sukar itu.

Melalui Pekeliling Bilangan 1 Tahun 2021 bertajuk Dasar Negara Bagi Amalan Baik Peraturan digubal dan diedarkan oleh Jabatan Perdana Menteri agar semua agensi Kerajaan Persekutuan dapat mematuhi Sistem Pengurusan Proses Peraturan seperti yang termaktub dalam Pekeliling ini.

Tan Sri KSN berkata lagi, impak pelaksanaan akan meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan dan penjimatan kos pematuhan secara berterusan dan dapat mengurangkan beban peraturan yang tidak wajar kepada peniaga dan rakyat secara keseluruhannya.

Pada masa sama, garis panduan Fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang dikeluarkan baru-baru ini menjadi contoh pendekatan peraturan tangkas yang dilaksanakan oleh Kerajaan dan pendekatan secara berfasa amat penting untuk mengimbangi kesihatan dan kesejahteraan rakyat dengan aktiviti ekonomi yang dinamik.

Sehubungan itu, beliau mengajak kementerian dan agensi Kerajaan, penggubal dan pengawal selia dasar dan peraturan untuk bertindak dengan lebih proaktif dalam membangunkan peraturan yang lebih berkualiti dan membuat semakan terhadap peraturan sedia ada agar ia menjurus kepada kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara.

"Pelaksanaan NPGRP ini dilengkapi dengan Buku Panduan Amalan Baik Peraturan sebagai rujukan. Sehubungan dengan itu, saya sekali lagi mengajak semua Kementerian dan agensi Kerajaan yang berkaitan supaya menggunakan buku panduan ini dalam proses pembangunan dan penyemakan peraturan yang tangkas atau apa yang disebut sebagai '*agile regulation*'," katanya.

## INTIPATI DASAR NEGARA BAGI AMALAN BAIK PERATURAN (NPGRP)

Malaysia perlu mengekalkan ekonomi yang dinamik dan menyusun semula strategi transformasi ke arah sasaran negara maju, berpandukan prinsip tadbir urus yang baik secara berkesan dan efisien. Campur tangan Kerajaan dalam aspek ekonomi adalah perlu, namun begitu ia hendaklah dilaksanakan secara bijak agar tidak memberi kesan buruk kepada ekonomi yang dinamik.

Kerajaan Malaysia telah menggubal Dasar Negara bagi Amalan Baik Peraturan (NPGRP) yang meliputi prinsip-prinsip, amalan-amalan dan panduan untuk memberi bimbingan mengenai pengurusan peraturan di Malaysia. NPGRP menggantikan Dasar Negara bagi Pembangunan dan Pelaksanaan Peraturan (NPDIR).



Objektif NPGRP adalah untuk mewujudkan sistem peraturan yang berkesan, cekap dan bertanggungjawab serta proses penggubalan peraturan yang menyokong usaha merealisasikan matlamat pembangunan ekonomi negara.

NPGRP adalah berteraskan prinsip-prinsip berikut dalam penggubalan peraturan:

- i) Campur tangan Kerajaan adalah perlu dan wajar;
- ii) Akauntabiliti;
- iii) Ketelusan, kebolehcapaian dan rundingan dengan pihak berkepentingan yang berkesan;
- iv) Faedah melebihi kos; dan
- v) Berkadaran.

Kerajaan mewajibkan Agensi-agensi Pengawal Selia untuk menerapkan dan melaksanakan amalan baik peraturan dengan:

- i) Menerapkan kaedah NPGRP dan prinsip asas Amalan Baik Peraturan;
- ii) Memastikan kesediaan dan keupayaan untuk memikul tanggungjawab dalam mewujudkan persekitaran peraturan yang berkualiti tinggi; dan
- iii) Mewujudkan sistem dan prosedur untuk memastikan peraturan yang berkualiti.

Pelaksanaan NPGRP perlu merujuk bersama dengan dokumen Buku Panduan Amalan Terbaik Peraturan 2.0. Buku Panduan ini disasarkan untuk digunakan oleh pengawal-pengawal selia dan pegawai-pegawai kawal selia terutamanya yang terlibat dalam proses pembangunan dan pelaksanaan peraturan.

Buku panduan ini hendaklah digunapakai selari dengan NPGRP dan Sistem Pengurusan Proses Peraturan (RPMS) seperti yang diperincikan di dalam dokumen dasar. Ia memberi panduan langkah demi langkah untuk pelaksanaan dan pematuhan terhadap NPGRP.

Aturan dan amalan sedia ada hendaklah disemak untuk memastikan bahawa ia memenuhi syarat-syarat dalam NPGRP. Buku panduan ini adalah dokumen yang dinamik di mana isi kandungannya akan ditambahbaik dan dikemaskini dari semasa ke semasa.



### 3.0 PEMERKASAAN DASAR NEGARA DALAM JABATAN

Malaysia perlu mengekalkan ekonomi yang dinamik dan menyusun semula strategi transformasi ke arah sasaran negara maju, berpandukan prinsip tadbir urus yang baik secara berkesan dan efisien. Campur tangan Kerajaan dalam aspek ekonomi adalah perlu, namun begitu ia hendaklah dilaksanakan secara bijak agar tidak memberi kesan buruk kepada ekonomi yang dinamik.

Kerajaan Malaysia telah menggubal Dasar Negara bagi Amalan Baik Peraturan (NPGRP) yang meliputi prinsip-prinsip, amalan-amalan dan panduan untuk memberi bimbingan mengenai pengurusan peraturan di Malaysia. NPGRP menggantikan Dasar Negara bagi Pembangunan dan Pelaksanaan Peraturan (NPDIR).



Secara prinsipnya, pembangunan dan pelaksanaan dasar adalah berpandukan kepada Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2021 bertarikh 22 Jun 2021. Pekeliling ini menjelaskan kepada semua agensi Kerajaan Persekutuan mengenai Dasar Negara bagi Amalan Baik Peraturan (*National Policy on Good Regulatory Practice - NPGRP*). Semua agensi Kerajaan Persekutuan adalah dikehendaki mematuhi Sistem Pengurusan Proses Peraturan yang ditetapkan.

Untuk maksud itu, Ketua Jabatan adalah diminta untuk mengambil tindakan : (1) bertindak sebagai Pengawal Selia selaku Kementerian/Jabatan/Agensi yang bertanggungjawab menyelia, menyelaraskan dan menguatkuasakan peraturan-peraturan Kerajaan. Pegawai Selia hendaklah mengguna pakai dan mematuhi keperluan Sistem Pengurusan Proses Peraturan (*Regulatory Process Management System - RPMS*) dan (2) melantik sekurang-kurangnya seorang Penyelaras Peraturan (*Regulatory Coordinator - RC*) yang akan membantu Ketua Jabatan melaksanakan NPGRP dalam organisasi.

Proses membangunkan dasar atau peraturan perlu diselaras dan dikemaskini bagi memastikan sistem pentadbiran pengawalseliaan organisasi berkesan di samping meningkatkan kualiti peraturan atau dasar baru. Peraturan-peraturan yang berkesan perlu melalui proses Analisis Impak Peraturan atau *Regulatory Impact Analysis (RIA)* dimana ianya akan meningkatkan ketelusan, kesaksamaan dan akauntabiliti.

Analisis Impak Peraturan (RIA) adalah perlu bagi memastikan dasar atau peraturan baru mempunyai objektif jelas, mengambilkira alternatif terbaik berdasarkan penilaian impak kos dan faedah, di samping mengambilkira input dan pandangan daripada semua pihak berkepentingan.

Dalam masa yang sama, Penyata Impak Peraturan atau *Regulatory Impact Statement (RIS)* perlu dilaksanakan semasa pembangunan yang merupakan sebahagian daripada sistem bagi mengurus proses pembangunan peraturan.

Di bawah RPMS, proses penyediaan peraturan baharu atau semakan semula peraturan sedia ada haruslah mematuhi prosedur yang telah ditetapkan dalam pekeliling. Salah satu langkah perlu adalah melaksanakan Penilaian Notifikasi Peraturan Secara Digital (DRN) dimana Pengawal Selia hendaklah terlebih dahulu memaklumkan kepada Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) mengenai setiap cadangan untuk membuat atau meminda peraturan menggunakan DRN. Panduan untuk melaksanakan RPMS dan penyediaan RIS disediakan dalam Buku Panduan GRC yang dikeluarkan oleh MPC.




### SISTEM PENGURUSAN PROSES PERATURAN

Ke arah keberkesanan pelaksanaan peraturan, Laporan Tahunan perlu dikemukakan kepada MPC meliputi (1) semakan semula jadual perubahan dan pindaan peraturan; (2) laporan pencapaian dan pematuhan terhadap syarat pelaksanaan NPGRP; dan (3) senarai peraturan dan pindaan yang dilaksanakan di tahun sebelumnya.

### 3.1 MENGUBAH REKABENTUK DASAR ATAU PERATURAN

Dasar dan peraturan seharusnya boleh diubahsuai mengikut perkembangan zaman dan situasi semasa yang dinamik serta mencabar dari pelbagai aspek khususnya transformasi iklim kepada revolusi teknologi. Peranan teknologi digital ini terserlah lebih-lebih lagi semenjak setahun lalu apabila pandemik COVID-19 telah memberi cabaran getir kepada semua negara untuk meneruskan kehidupan seperti biasa. Penguasaan teknologi digital ini juga merupakan kunci dalam mengatasi batasan produktiviti, sekaligus menaiktaraf imej organisasi. Keupayaan untuk memacu ledakan informasi secara akses masa-sebenar atau real-time melalui rangkaian teknologi dan model penyampaian inovatif, akan membentuk wahana kreatif yang berperanan penting dalam memacu enjin baharu ke arah penghasilan skala perkhidmatan yang cemerlang.



Teknologi berkembang jauh lebih pantas daripada peraturan sedia ada atau baharu yang telah didokumenkan. Model bisnes atau perkhidmatan akan boleh berubah dengan pantas disebabkan pelbagai inovasi baru yang dibangunkan dalam industri. Dasar dan Peraturan sedia ada akan menjadi terkebelakang atau bercanggah atau tidak selari dengan perubahan teknologi baru. Impaknya model bisnes atau perkhidmatan menjadi sukar diramalkan kebolehbenaan sesuatu teknologi untuk digunapakai dalam industri.

Oleh itu ke arah mencapai keberhasilan penyampaian organisasi, proses yang termaktub dalam dasar atau peraturan yang kebiasaannya dilaksanakan secara normal biasa perlu tangkas diselaraskan dengan perubahan teknologi.

### 3.2 MEMBINA DAYA TAHAN EKONOMI MELALUI PEMBANGUNAN BANGSA

Segera memulakan projek pemangkin ekonomi untuk ketahanan ekonomi dan kesihatan seperti kemudahan kesihatan dan pusat penyelidikan penjagaan kesihatan berdasarkan keutamaan/ penekanan seperti berikut:-

	Melancarkan projek berdasarkan situasi penyebaran pandemik secara geografi dan kesan dari covid-19		Melaksanakan segera projek dengan mengambilkira kesinambungan pekerjaan merentasi rantaian nilai sumber tenaga (buruh, kontraktor, jurutera, dll.)		Menentukan tahap implikasi projek kesan dari covid-19 (gangguan rantaian bekalan untuk bahan binaan seperti keluli, simen, dll.)
	Menyelaraskan projek dengan berteraskan halatuju strategik negara (seperti penjagaan kesihatan) – 'essential project'		Menjana pendapatan jangka pendek		Menganalisa pelaksanaan projek yang berkadar segera, sederhana dan jangka panjang bergantung kepada keperluan modal
	Menentukan faktor kebergantungan projek (menganalisis perkaitan dengan kejayaan projek lain)		Memastikan status dan kesan proses yang berpotensi secara berterusan		Menyelesaikan status kelulusan yang belum selesai, pengambilan tanah, isu-isu lain yang sedang berlaku

Sumber: KPMG International 2020

### 3.3 PERATURAN BEKERJA DARI RUMAH (BDR). APA YANG TIADA ATAU KURANG?



#### Sistem Bantuan kepada Orang Awam/Bisnes

- Tidak ada pelan tindakan yang disediakan untuk *back-up contact* semasa BDR, seperti dikongsikan telefon bimbit atau emel peribadi.
- Pertanyaan/komunikasi daripada pihak luar (spt. perunding/kontraktor/etc) tidak segera diuruskan/ditangani
- Ketidaksihinggaan dalam pengemaskinian/penjelasan status permohonan/pertanyaan khususnya yang melibatkan kebenaran/kelulusan.



#### Protokol Bekerja Dari Rumah

- Ketiadaan SOP/protokol kerja/arahan kerja yang jelas ke atas kawalan dokumen secara atas talian terutama kakitangan awam yang BDR kerana dokumen masih perlu dihantar secara *hardcopy*;
- Akses terhad bagi pengoperasian secara *virtual desktop* termasuk ketidakcukupan peralatan yang diperlukan;
- Kelemahan dalam pematuhan dan pelaksanaan peraturan bekerja atas talian (*online*) ketika bertugas secara BDR;
- Maklumat mengenai perubahan peraturan tidak segera dikemaskini.




#### Sokongan dan Komunikasi Pematuhan Peraturan oleh Kakitangan

- Kakitangan Kawal Selia - memerlukan komitmen, integriti dan kejujuran dalam memastikan tugas diuruskan serta diselesaikan secara total dalam situasi pandemik ketika BDR;
- Mengamalkan dan menyesuaikan adaptasi teknologi dan komunikasi digital untuk proses membuat keputusan secara atas talian.

### 3.4 MERANGKA PERATURAN UNTUK TEKNOLOGI KEMAJUAN

Elemen-elemen yang perlu dipertimbangkan dalam merangka peraturan dari konteks kemajuan teknologi yang berubah-ubah dari semasa ke semasa.



### 3.5 MERANCANG PERATURAN UNTUK TREND GLOBAL

Faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan dalam memacu peraturan agar selari dengan trend global.



DISEDIAKAN OLEH

KETUA EDITOR:

Ir. Ts. Dr. Hj. ZARABIZAN BIN Hj. ZAKARIA

EDITOR:

Ir. SUHAILA BIN HJ. SUBOH  
NOR HAZLINA BINTI ABDULLAH